

KARANGAN JENIS AUTOBIOGRAFI

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku sebuah Basikal.

Aku sebuah basikal. Nama aku ialah BMX. Aku dilahirkan di sebuah kilang membuat basikal di Shah Alam.

Badan aku _____ daripada besi. Aku berwarna biru. Badan aku _____ dengan dua tayar.

Setelah siap, aku _____ ke kedai menjual basikal. Aku dihantar dengan menggunakan sebuah lori. _____ kedai basikal membersihkan badan aku dan aku dipamerkan di kedai miliknya. Beliau meletakkan tanda _____ pada badanku.

Pada suatu hari, datang seorang budak ke kedai basikal tempat aku dipamerkan. _____ itu bernama Arman. Dia melihatku _____ satu jam. Dia _____ hati padaku. Dia meminta ayahnya untuk membeli aku.

Arman _____ aku dengan baik. Dia _____ aku ke sekolah setiap hari. Arman akan _____ aku dua kali _____. Aku berasa sungguh gembira dan bangga kerana mendapat tuan seperti Arman.

dihantar	menjaga	seminggu
mencuci	harga	tertarik
selama	Pemilik	Budak
diperbuat	dipasang	menunggang